



محكمة كونا حاكم شرعي نكدي قولا وقينع

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKS/PP/100/3-19 (81)

Tarikh : 24 Julai 2013  
15 Ramadhan 1434H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Semua Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Tuan Ketua Pendaftar/Pendaftar  
Penolong-penolong Pendaftar

Yang Arif/& Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 5 TAHUN 2013  
PROSEDUR PENTADBIRAN WAKALAH/ AFIDAVIT MELALUI SIDANG VIDEO  
DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Syariah Bil 3/2013 bersetuju bahawa prosedur pentadbiran wakalah/ afidavit melalui sidang video di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang boleh dilaksanakan oleh Peguam Syarie sekiranya anakkuam berada diluar negara.

2. Prosedur tersebut adalah sebagaimana lampiran A.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 24 Julai 2013.


Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”  
“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)**

Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang



ISO/IEC GUIDE 62: 1999  
QR 02121999 CB 01  
Certified to ISO 9001:2000  
Cert. No.: AR 3103

**SYARIAH ASAS KEADILAN**  
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

**PROSEDUR PENTADBIRAN  
WAKALAH/ AFIDAVIT MELALUI SIDANG VIDEO  
DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

1. Peguam/ pihak-pihak hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis dalam tempoh 7 hari kepada mana-mana Pendaftar untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu. Tarikh dan masa untuk pentadbiran wakalah dan afidavit yang dicadangkan hendaklah dinyatakan.
2. Apabila kebenaran telah diperolehi, peguam/ pihak-pihak hendaklah memastikan dokumen telah lengkap dan telah ditandatangani sendiri oleh anakguam/ individu yang akan mengikrarkan wakalah/ afidavit berkenaan.
3. Pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan, prosedur pentadbiran wakalah/ afidavit boleh dibuat di pejabat Pendaftar di hadapan pegawai Mahkamah yang telah ditugaskan.
4. Segala kemudahan dan kelengkapan untuk tujuan Sidang Video hendaklah disediakan oleh pihak peguam/ pihak-pihak sendiri.
5. Urusan pentadbiran wakalah/ afidavit secara "walk-in" adalah tidak dibenarkan.